

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA

TARIKH : 16 OKTOBER 2014

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan yang telah berpencen tetapi disambung semula perkhidmatan mengikut bidang kepakaran, Kementerian dan agensi, tangga gaji, elaun dan manfaat yang diberikan serta tempoh masa kontrak perkhidmatan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan pesara secara kontrak adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan, kesinambungan kepakaran, pengalaman dan kepimpinan yang diperlukan oleh agensi yang berkenaan.

Jumlah pesara yang dilantik secara kontrak, dengan izin *contract of service*, di Kementerian/Jabatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan sehingga Oktober 2014 ialah seramai 46 orang. Daripada jumlah tersebut, 16 orang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan 30 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Bidang-bidang yang terlibat adalah perubatan, syariah dan hal ehwal Islam (Mufti), perkhidmatan tadbir dan diplomatik, penerbangan awam serta pendidikan.

Pesara yang dilantik secara kontrak akan dibayar gaji dan elaun yang sama jika beliau dilantik atas gred sebelum bersara. Sekiranya pesara dilantik pada gred yang lebih rendah, beliau akan dibayar gaji yang terhampir dengan gaji akhir ketika berkhidmat tertakluk kepada gaji maksimum, elaun serta kemudahan gred berkenaan. Tempoh masa lantikan kontrak adalah satu hingga dua tahun.

Sekian. Terima kasih.